

29 APR 1998

Mahathir-Racun

MAHATHIR NAFI LAPORAN PENDATANG ASING "DIRACUN"

KUALA LUMPUR, 29 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menafikan laporan dua akhbar Britain mengenai pendatang-pendatang asing tanpa izin "diracun" di kem-kem tahanan negara ini.

"Saya kurang faham kenapa kita perlu 'mass poison' (meracun beramai-ramai) mereka sedangkan kita boleh menghantar beribu-ribu daripada mereka balik dan kerajaan Indonesia sendiri menerima bahawa rakyat mereka mesti dikembalikan ke negara mereka," kata beliau kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan pemimpin UMNO peringkat bahagian serta pergerakan Pemuda dan Wanita, di sini.

Beliau diminta mengulas laporan dalam akhbar-akhbar Observer dan The Independent awal minggu ini bahawa Malaysia telah "meracun beramai-ramai" pelarian dan pekerja asing untuk melemahkan mereka sebelum mereka dihantar pulang bulan lepas.

Seorang anggota polis dan lapan pendatang asing Indonesia terbunuh dalam rusuhan di sebuah kem tahanan di Semenyih dekat sini, baru-baru ini.

" Apa perlunya kita bunuh orang kerana ianya menjadi masalah," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata sebenarnya akhbar-akhbar Britain itu membuat tuduhan itu sebagai satu cara untuk melindungi peranan mereka yang menyebabkan "Indonesia menjadi begitu miskin".

Beliau berkata laporan akhbar seumpama itu yang memburukkan negara lain juga menyebabkan pengangguran menjadi begitu besar di Indonesia sehingga rakyatnya terpaksa lari dari negara mereka.

" Yang sebenarnya racun (poison) mereka ialah orang yang menjadikan Indonesia begitu miskin dengan menjatuhkan nilai rupiah dan dengan itu 20 juta rakyat Indonesia menganggur.

" Rakyat yang dahulunya bekerja sekarang ini menganggur. Mereka tidak menganggur kerana kerajaan Indonesia tetapi kerana nilai mata wang dijatuhkan dan banyak syarikat telah bankrap dan bank ditutup. Semua ini adalah disebabkan oleh orang daripada jenis orang yang menulis berita ini," katanya.

Perdana Menteri juga berkata media asing cuba menyembunyikan peranan mereka dalam menyebabkan kegawatan ekonomi yang mengakibatkan kemiskinan, dan rakyat Indonesia tidak mempunyai kerja dan tidak boleh membeli makanan, ubat dan susu serta terpaksa lari.

" Semua ini disebabkan oleh tindakan untuk memiskinkan Indonesia dengan menjatuhkan nilai matawang," kata beliau.

Perdana Menteri turut mengkritik kumpulan-kumpulan hak asasi kerana tekanannya kepada Malaysia untuk membuka kem-kem tahanan pendatang asing tanpa izin bagi pemeriksaan bebas.

"Kumpulan-kumpulan hak asasi tidak pernah berpuas hati dengan apa jua kecuali jika kita berikan penginapan di hotel bertaraf lima bintang kepada orang ini (pendatang).

"Jika kumpulan hak asasi ini sedia untuk membiayainya, kita sedia untuk menempatkan mereka (pendatang) di Hotel Shangri-La tetapi mereka mesti membayarnya, mereka tidak boleh mengharap kita untuk membayarnya. Bagi kumpulan-kumpulan hak asasi ini, hak mereka sekadar tahap apabila mereka tidak perlu mengeluarkan wang," kata beliau.

Ketika ditanya mengenai gambar-gambar yang diambil di dalam kem-kem itu yang menunjukkan rusuhan seperti yang disiarkan dalam akhbar-akhbar asing,

Dr Mahathir berkata gambar-gambar itu diperolehi menerusi rasuah.

"Saya tidak mahu berkata demikian, tetapi seseorang jelas mendapat sesuatu daripadanya. Satu daripada perkara yang kita mahu hapuskan ialah rasuah dan rasuah adalah dalam banyak bentuk, termasuk gambar-gambar seperti ini yang boleh didapati menerusi rasuah."

Menjawab soalan mengenai kecenderungan akhbar asing untuk memperkecil-kecilkan Malaysia termasuk bagi menganjur Sukan Komanwel September ini, beliau berkata: "Jika boleh, mereka mahu memusnahkan negara ini dengan bantuan sesetengah rakyat Malaysia."

--BERNAMA

AZZ AU NAK